

30/01/2002

Malaysia anjur sidang bincang istilah penganas

KUALA LUMPUR, Selasa - Persidangan mengenai keganasan yang akan dianjurkan Malaysia di sini akan mencari definisi istilah penganas serta membentuk pendirian yang sama di kalangan negara Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ketika ini tidak ada usaha bersepadu yang dilakukan untuk membuat tafsiran berkenaan siapakah penganas.

"Sekarang ini `terrorist' (penganas) tertumpu kepada negara-negara Islam dan umat Islam sedangkan Israel, Yahudi adalah `terrorist' dan Russia yang begitu ramai membunuh orang Chechen.

"Melempar bom yang membunuh orang tidak bersalah itu adalah terrorism," katanya pada sesi dialog Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka hari ini.

Beliau menjawab soalan mengenai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dikatakan kurang berkesan menangani masalah negara Islam dan mempertahankannya walaupun mempunyai dana kewangan yang besar.

Dr Mahathir berharap mesyuarat itu akan dapat dihadiri oleh negara-negara Islam bagi menyatakan pendirian yang sama terhadap isu yang amat penting dan mempertahankan negara Islam.

Perdana Menteri berkata, kegagalan OIC sebagai sebuah pertubuhan Islam untuk mempertahankan negara dan umat Islam antara lain kerana umat Islam menolak satu ajaran asas Islam iaitu persaudaraan orang Islam.

Pada zaman awal Islam, umat Islam hanya dikenali sebagai umat Islam dan tidak terbahagi kepada negara dan tidak mempunyai sempadan.

Bagaimanapun, selepas Perang Dunia Pertama, British dan Perancis menubuhkan "nation states" di beberapa wilayah di Timur Tengah. Akibatnya muncullah negara Arab yang tersendiri.

"Jadi apabila menjadi negara, masing-masing mengutamakan kepentingan negara mereka dan tidak mengutamakan kepentingan umat Islam, malahan sering bermusuhan-musuhan," katanya.

Beliau berkata, keadaan itu juga berhubung kait dengan cara Barat memilih pemimpin dan ketua negara yang memerintah negara Arab berkenaan.

"Sekarang ini mereka sudah menjadi `nation states' dan Islam sudah menjadi `back seat' dan `nation states' menjadi `the greater thing.' Dalam usaha mereka mempertahankan nasib diri masing-masing, mereka bermusuhan sesama sendiri sehingga tidak bekerjasama walaupun dalam perkara yang sepatutnya umat Islam bersatu padu," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam OIC sendiripun tidak ada pendapat yang sama dalam perkara yang sepatutnya tidak ada perbezaan.

(END)